



Worksheets

Name

Bahasa Malaysia (Kata Nama) Tahun 6

Class

Total questions: 50

Date _____


Worksheet time: 31mins

1. Kebanyakan penduduk di Kampung Merbau bersawah _____.
a) kelapa sawit
b) getah
c) padi
d) bunga
2. _____ Puan Suziana yang kemas dan cantik itu menarik perhatian saya.
a) Masakan
b) Tarian
c) Pakaian
d) Nyanyian
3. Sebahagian _____ tingkap rumah Nenek Mah telah reput.
a) api-api
b) angkut-angkut
c) kisi-kisi
d) sumpah-sumpah
4. Mak Leha sedang menuang air ke dalam _____ itu.
a) dekak-dekak
b) kuda-kuda
c) kisi-kisi
d) labu-labu
5. "Tolong _____ buku ini ke bilik guru," kata Cikgu Ali kepada Shahfiqie.
a) hantarkan
b) dihantar
c) hantaran
d) menghantar
6. "Saya _____ pengajian di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1975," kata Profesor Azali.
a) bermula
b) mulakan
c) permulaan
d) memulakan

7. Bas yang dinaiki oleh Amir telah _____ dalam kemalangan.

- a) dilibat
- b) penglibatan
- c) melibatkan
- d) terlibat

8.



Pesawah itu _____ di bawah pokok kerana penat bekerja.

- a) ditidur
- b) ketiduran
- c) menidur
- d) tertidur

9. Semua borang _____ hendaklah sampai kepada pihak penganjur seminggu sebelum pertandingan.

- a) disertai
- b) disertakan
- c) menyertai
- d) penyertaan

10. Orang kaya yang murah hati itu suka melakukan kebajikan dan _____ orang-orang miskin.

- a) menolong
- b) ditolongkan
- c) pertolongan
- d) menolongkan

11.



**Kerja-kerja _____ kawasan sungai itu sedang _____ oleh penduduk kampung.

- | | |
|-------------------------------|------------------------------|
| a) pembersihan ... dijalankan | b) dibersihkan ... dijalani |
| c) membersihkan ... dijalani | d) kebersihan ... dijalankan |

12. Budak lelaki itu menangis kerana _____ duri pokok bunga kertas.

- | | |
|-------------|-------------|
| a) berpijak | b) memijak |
| c) dipijak | d) terpijak |

13.



"Kamu mesti _____ cara yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tersebut," kata Basirah kepada Danial.

- | | |
|--------------|---------------|
| a) pemikiran | b) pemikir |
| c) fikiran | d) difikirkan |

14. Pengacara majlis itu _____ tetamu dan ibu bapa _____ selera.

- | | |
|---------------------------|---------------------------|
| a) menjemput..... berjamu | b) jemputan..... berjamu |
| c) dijemput..... berjamu | d) jemputkan..... menjamu |

15. Ahli Rukun Tetangga itu _____ di kawasan kediaman itu dengan membawa cota dan lampu suluh..
- a) peronda
c) meronda
- b) perondaan
d) dironda
16. Beberapa orang _____ syarikat itu telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang.
- a) kakitangan
c) warganegara
- b) pesuruhjaya
d) jawatankuasa


17.



_____ itu berbentuk bulat.

- a) Bakul sampah
b) Jam tangan
c) Jam dinding
d) Cermin mata
18. Saya berasa bangga kerana hasil kraf tangan negara kita terkenal di peringkat _____.
- a) warganegara
b) antarabangsa
c) pesuruhjaya
d) bumiputera

19.



_____ yang menuju ke selatan akan bertolak pada pukul 6.30 pagi.

- a) Kereta api
- b) Kereta kabel
- c) Keretapi
- d) Kapal terbang

20. Puan Saleha menjerit meminta tolong kerana _____ nya telah diragut.

- a) bakul rotan
- b) beg tangan
- c) sapu tangan
- d) ikan kering

21. _____ Guru Besar diperlukan untuk mengesahkan dokumen yang penting itu.

- a) Tanggungjawab
- b) Sukarela
- c) Tandatangan
- d) Antarangsa

22. Alif mendapat keputusan yang baik dalam _____ Sains dan Matematik.

- a) mata ilmu
- b) mata pelajaran
- c) mata bestari
- d) mata pendidikan

23.



Semua murid mesti mendapatkan _____ daripada ibu bapa sebelum menyertai lawatan sambil belajar.

- a) atur cara
- b) gambar rajah
- c) tandatangan
- d) lalu lintas

24.



Rachel berpakaian kemas untuk menghadiri _____ di syarikat guaman itu.

- a) temu duga
- b) janji temu
- c) temu ramah
- d) temu bual

25. Wartawan itu _____ Norman bin Musa, tukang masak yang telah mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

- a) menemu cara
- b) menemu ramah
- c) menemu duga
- d) menemu kata

26. Ranjith telah menyapu _____ di bawah pokok rumahnya.

- a) kekisi
- b) pepijat
- c) kekuda
- d) dedaun

27. Adik tidak dapat menunggang basikalnya kerana _____ basikalnya telah rosak.

- a) jejari
- b) kekisi
- c) hingar - bingar
- d) rempah - ratus

28. Ibu memasak kari ayam dengan menggunakan _____ yang dibeli.

- a) rempah - ratus
- b) adai - badai
- c) hiruk - pikuk
- d) awan - gemawan

29. Rambut Wendy _____ setelah bangun daripada tidur.

- a) huru - hara
- b) robak - rabik
- c) kusut - masai
- d) compang - camping

35.



1. Pak Cik Maniam meletakkan _____ di tengah sawahnya untuk menakutkan burung-burung yang makan padinya.

- | | |
|----------------|--------------|
| a) kuda-kuda | b) kupu-kupu |
| c) orang-orang | d) mata-mata |

36. Pasukan hoki negara mendapat bimbingan daripada _____ yang berpengalaman.

- | | |
|---------------|-------------|
| a) ahli sukan | b) jurumudi |
| c) jurulatih | d) guru |

37. Aqif telah _____ menjadi ketua pasukan bola sepak di sekolahnya.

- | | |
|----------------|--------------|
| a) pelantikkan | b) terlantik |
| c) dilantik | d) melantik |

38. Pihak berkuasa telah merampas kesemua barang _____ yang dijual di kedai itu.

- | | |
|-----------|-------------|
| a) tiru | b) tiruan |
| c) meniru | d) peniruan |

39. 10. Aina memcuba baju kurung yang baru siap _____ oleh ibunya.

- | | |
|------------|----------------|
| a) dijahit | b) menjahit |
| c) jahitan | d) menjahitkan |

40.



"Kamu mesti _____ cara yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tersebut," kata Basirah kepada Danial.

a) pemikir

b) pemikiran

c) fikirkan

d) difikirkan

41.



Peristiwa _____ masih segar dalam ingatan Pak Abu.

a) ini

b) situ

c) sini

d) itu

42. "Ampun _____, apakah hajat _____ meminta _____ datang menghadap?" sembah Bendahara Tun Perak

a) tuanku ... beta ... patik

b) beta ... baginda ... hamba

c) tuanku ... tuanku ... patik

d) baginda ... tuanku ... hamba

43.



Rumah yang berwarna hijau _____ rumah saya.

- a) sini
- b) itu
- c) ini
- d) situ

44. Fadlin pergi ke Johor Bharu. Beliau ada urusan di.....

- a) sini
- b) mana
- c) itu
- d) sana

45. lah rumah Umairah. Mari kita pergi ke

- a) Ini..... sana
- b) Itu..... situ
- c) Situ..... itu
- d) Ini.... sini

46. "Beta ingin _____ sekarang kerana hari sudah larut malam," titah Sultan kepada pegawai istana baginda.

- a) bersemayam
- b) beradu
- c) bersantap
- d) bersiram

47. Bayi itu tidur dengan _____ di atas pangkuan ibunya.

- a) riang
- b) kaku
- c) nyenyak
- d) diam

48. Asam jawa selalu digunakan oleh emak untuk menghilangkan bau _____ ikan air tawar.

- a) hancing
- b) hanyir
- c) tengik
- d) hapak

49. _____ sungguh pemandangan hutan di kawasan Air Terjun Kuala Woh itu.
- | | |
|----------|----------|
| a) Muram | b) Indah |
| c) Kalam | d) Sayup |
50. Penyanyi yang mempunyai suara _____ itu mendapat tepukan gemuruh daripada penonton.
- | | |
|------------|----------|
| a) nyaring | b) merdu |
| c) serak | d) garau |